

Headline	TNB percepat peralihan kepada EV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Bisnes	Page No	29
ArticleSize	409 cm ²	Journalist	QURRATUL'AINA
PR Value	RM 26,012		



TNB percepat peralihan kepada EV

Sasar ganti 30 peratus kenderaan dengan EV menjelang 2030

Oleh **QURRATUL'AINA QUDDUS**
SHAH ALAM

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempercepatkan peralihan kepada kenderaan elektrik (EV) dengan menggunakan 98 unit baharu merangkumi 78 trak pikap dan 20 van elektrik, menjadikan jumlah keseluruhan EV dalam kumpulan kenderaan operasi TNB kepada 127 buah kenderaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir Baharin Din berkata, pihaknya menyasarkan untuk menggantikan 30 peratus iaitu lebih 1,000 kenderaan kepada EV pada 2030.

Menurutnya, usaha tersebut adalah komitmen TNB terhadap peralihan tenaga yang pantas dan bertanggungjawab serta menyumbang secara signifikan kepada sasaran kerajaan mencapai 20 peratus jualan EV.

"Ia juga selaras dengan Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) 2020 dan mendorong kami lebih dekat untuk mencapai Sifar Bersih 2050 melalui amalan mampan dalam operasi.

"Ia menjadi keutamaan kerana secara aktif menyumbang untuk membina ekosistem EV yang mampan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut Baharin, peralihan kepada EV diunjur menghasilkan pengurangan tahunan sebanyak 4,833 tan karbon dioksida, bersamaan kira-kira 193,320 pokok sebagai pengimbang menjelang 2030.

Jelas beliau, manfaat ekonomi daripada inisiatif tersebut adalah besar dengan jangkakan penjimatan kos sehingga 86 peratus untuk

pembaikan dan penyelenggaraan.

"Kos tenaga yang digunakan juga lebih rendah berbanding kenderaan bahan api fosil konvensional iaitu sehingga 70 peratus.

"Inisiatif ini diberi tumpuan awal di Lembah Klang dan Langkawi, Kedah, sejajar dengan matlamat kelestarian kawasan berkenaan serta menyokong visi masing-masing menjadi negeri bertanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya.

Tambah beliau, TNB bukan sahaja berdedikasi untuk mempercepatkan penggunaan EV, malah turut memberi tumpuan kepada peningkatan semula kemahiran untuk industri EV, membina infrastruktur pengecasan, menaja kajian berkaitan EV dan memupuk kerjasama dalam kalangan pemain sektor EV.

"TNB juga merancang untuk memperluas infrastruktur pengecasan EV kepada lebih 500 stesen pengecasan pada 2025 di seluruh negara sebagai sokongan kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)," katanya.

Headline	TNB percepat peralihan kepada EV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Bisnes	Page No	29
ArticleSize	409 cm ²	Journalist	QURRATUL'AINA
PR Value	RM 26,012		



PERNIAGAAN

TNB menggunakan 98 unit kenderaan baharu, menjadikan jumlah keseluruhan EV dalam kumpulan kenderaan operasi TNB kepada 127 buah kenderaan.